

**Analisis Fatwa Sarjana Islam Mengenai Kepercayaan Nabi Muhammad Saw
Diciptakan Dari Cahaya**
*[Analysis Of Scholarly Fatwas On The Belief That Prophet Muhammad Saw
Was Created From Nur]*

Basri bin Ibrahim

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

Kampus Gong badak

21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia/

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia

Email: bashim67@kuips.edu.my

Atif bin Che Adnan

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia

Email: atifadnan@kuips.edu.my

Article

Progress:

Submission date:

01-12-2023

Accepted date:

20-12-2023

ABSTRACT

The fatwa asserting that Prophet Muhammad PBUH was created from nur (light) has spurred varying opinions among scholars. Simultaneously, the notion that Prophet Muhammad PBUH was created from nur has instigated numerous negative implications within the Islamic community, persisting from ancient times to the present day. The primary objective of this article is to examine global scholars' fatwas regarding the nur of Muhammad and to determine its alignment with the teachings of the Quran and al-Sunnah. This research adopts a qualitative methodology, obtaining data through document analysis referencing tafsir books, creed, contemporary fatwas, among other sources. The document analysis method utilised descriptive, deductive, and comparative approaches. The study findings reveal the viewpoint of a second group of scholars who refute the concept of the Prophet PBUH being created from light, as per the narration of Jabir RA, arguing that this hadith is fabricated (mawdu'). The faction asserting the authenticity of this concept based on its meaning or through spiritual intuition (kasyaf) is deemed unacceptable, as it lacks the requisite substantiation according to the principles of hadith verification in the field of mustalah hadith. The light referenced in the hadith concerning the dream of the Prophet PBUH's mother has never conclusively proved that the Prophet PBUH was constituted of light; rather, it elucidates the light of faith that he brought forth to guide humanity.

Keywords: *Fatwa, kasyaf, mustalah hadith, mawdu', nur Muhammad*

PENDAHULUAN

Fatwa mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat Islam kerana berfungsi menyelesaikan pelbagai masalah dalam masyarakat sama ada yang melibatkan akidah, ibadah mahupun akhlak. Fatwa merupakan satu istilah yang tidak asing lagi kepada umat Islam di negara Malaysia. Biasanya dikaitkan dengan jawapan secara rasmi yang dikemukakan oleh tokoh agama yang berwibawa dalam pelbagai isu yang diutarakan oleh umat Islam. Tokoh berwibawa yang dimaksudkan kebiasaannya adalah mufti sama ada di peringkat negeri dan juga kebangsaan.

Hampir semua negara Islam di dunia hari ini mempunyai mufti dan majlis fatwanya sendiri. Majlis fatwa ini biasanya terdiri daripada ulama-ulama besar yang memiliki pengetahuan mendalam tentang agama dan hukum Islam. Pakar-pakar dalam bidang tertentu diundang untuk memberikan pandangan dan penilaian yang lebih komprehensif bagi memastikan fatwa yang dikeluarkan berkaitan dengan isu-isu tertentu menjadi lebih tepat, sahih dan kukuh. Tujuannya adalah untuk memberikan panduan agama yang lebih mantap dan sesuai dengan keadaan serta keperluan masyarakat setempat.

Fatwa mengalami perkembangannya yang tersendiri. Dahulu fatwa biasanya dikeluarkan oleh mufti dan ulama secara individu sahaja, namun sekarang kebanyakan fatwa yang diputuskan berdasarkan suara majoriti melalui majlis fatwa yang ditubuhkan oleh kerajaan atau *Majma' Fiqh* di pelbagai negara. Keputusan fatwa seumpama ini lebih selamat untuk diamalkan oleh umat Islam kerana berdasarkan kepada suara majoriti ulama dan lebih menepati kebenaran. Fatwa ini dikenali sebagai *Fatwa Jama'i*.

Artikel ini dihasilkan bertujuan melihat fatwa ulama dunia tentang Nur Muhammad dan sejauh manakah ia bertepatan dengan al-Quran mahupun al-Sunnah. Ini bertujuan menghapuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam yang menyatakan bahawa nabi Muhammad SAW dicipta oleh Allah SWT daripada cahaya. Tanggapan ini menimbulkan banyak perkara negatif dalam masyarakat Islam daripada dahulu sehingga kini.

SOROTAN KAJIAN

Penulisan tentang pendapat ulama dunia tentang Nur Muhammad jarang dapat ditemui. Penulisan oleh ulama secara perseorangan memang wujud. Antara penulisan yang berkaitan yang boleh dijadikan rujukan ialah tulisan yang dihasilkan oleh al-Qurtubi (1987), berjudul *Fatawa Ibn*

Rusyd, yang antara lain membicarakan tentang ayat dan hadis berkaitan nur Muhammad. Al-Harari, (2001) berjudul *Risalah Fi Butlan Awwaliyyah al-Nur al-Muhammadi* yang menilai hadis tentang nur Muhammad sebagai tidak boleh diterimapakai, Abu Syadi, (2008) dalam *al-Rad al-'Alami Ala al-Syubuhat Fi al-'Aqidah wa al-Tasawwuf*, yang membincangkan pelbagai isu termasuk isu nur Muhammad, al-Ghumari, (t.th) dalam *Mursyid al-Ha'ir Li Bayan Wad'i Hadis Jabir* yang mengulas secara khusus tentang status hadis Jabir dan lain-lain.

METODOLOGI KAJIAN

Metode penulisan artikel ini berdasarkan kajian kualitatif. Data-data diperoleh berteraskan analisis dokumen yang dilakukan ke atas kitab tafsir, hadis, buku-buku akidah, laman web berautoriti dan lain-lain. Kesemua data dikumpulkan dan dianalisis untuk mencari natijah yang terbaik berdasarkan al-Quran dan hadis sahih serta pendapat ulama *muktabar* yang pakar dalam bidangnya.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

KONSEP FATWA DALAM ISLAM

Fatwa merupakan pemberitahuan sesuatu hukum kepada masyarakat setempat yang diperlukan dalam menghadapi persoalan semasa yang memerlukan kepada penyelesaian yang menepati tuntutan agama. Fatwa juga memainkan peranan penting menyelesaikan kekeliruan dan kekusutan yang dihadapi oleh umat Islam. Sebarang kekeliruan dan masalah yang timbul dapat diatasi dengan fatwa, dan ini seterusnya sudah tentu akan memberikan satu kepuasan kepada umat Islam setempat dan seterusnya mereka akan dapat melakukan aktiviti harian dengan baik dan sempurna.

Definisi Fatwa

Fatwa dari segi bahasa merupakan terbitan dari perkataan arab “afta” yang bermaksud memberi penerangan iaitu memberi jawapan atau penjelasan bagi sesuatu masalah agama. Menurut Ibn Manzur (1956) fatwa adalah satu perbuatan yang menetapkan sesuatu fatwa tentang sesuatu hukum atau satu kepentingan hukum yang dikeluarkan oleh *faqih*.

Manakala fatwa dari segi istilah bermaksud pemberitahuan tentang hukum Allah sama ada pada yang wajib atau harus (Al-Qarafiyy 1344H). Menurut Muhammad Rawas (1985), fatwa bermaksud penjelasan dengan persoalan hukum syarak yang dibuat oleh seorang faqih menjawab

pertanyaan yang dikemukakan kepadanya. Al-Qaradhawi (1999) mendefinisikan fatwa adalah penjelasan mengenai hukum syarak oleh mufti bagi sesuatu masalah agama berdasarkan dalil syarak sebagai jawapan kepada sesiapa yang bertanya secara sendirian ataupun berkumpulan.

Menurut perundangan di Malaysia, fatwa adalah kenyataan Mufti yang diterbitkan melalui Warta Undang-undang (Ahmad Hidayat, 2016). Seterusnya, pengeluaran fatwa perlu mengikut prosedur tertentu. Sesuatu fatwa yang hendak dikuatkuasakan hendaklah diwartakan. Jika tidak diwartakan maka ia dianggap kekal sebagai pendapat mufti sahaja dan untuk pengetahuan masyarakat atau rujukan hukum semata-mata (Zaini Nasohah, 2005).

Hukum Mengeluarkan Fatwa

Jumhur *fuqaha'* berpandangan bahawa pengeluaran fatwa ini sebenarnya merupakan tuntutan fardu kifayah. Oleh itu, bukanlah sewenang-wenangnya fatwa ini boleh dikeluarkan melainkan setelah dibuat kajian dengan lebih terperinci mengenai isu atau permasalahan yang dikemukakan. Namun, sekiranya didapati hanya seorang sahaja yang berada di tempat tersebut ketika mana persoalan diajukan dan tidak didapati mana-mana orang lain yang turut bersama dengannya maka ketika itu hukum berfatwa menjadi fardu ain. Hal ini bermakna, beliau wajib menjawab persoalan berkenaan. Walau bagaimanapun fatwa adalah haram ke atas orang yang tidak mempunyai kelayakan dan tidak menguasai alat-alatnya dengan sempurna (Rayyan, 1994)

Syarat-Syarat Orang Yang Mengeluarkan Fatwa

Oleh kerana tugas mengeluarkan fatwa adalah tugas yang besar dan berat, orang-orang yang melaksanakan tugas yang mulia ini, dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Seorang yang alim dan berwibawa di mana kewibawaannya tidak boleh dipertikaikan.
- ii. Baligh tidaklah menjadi syarat sebagai mufti, kerana itu kanak-kanak yang berakal boleh mengeluarkan fatwa.
- iii. Berakal. Ulama sepakat seseorang mufti hendaklah berakal. Orang gila dan kanak-kanak yang tidak berakal tidak boleh mengeluarkan fatwa.
- iv. Berilmu. Tidak terdapat syarat yang jelas menunjukkan seseorang mufti hendaklah seorang yang beriman, tetapi perjalanan hidup umat Islam menunjukkan fatwa hanya

diminta dari orang-orang Islam sahaja. Tambahan pula fatwa adalah hukum syarak, sewajarnya ia melibatkan orang beriman.

- v. Adil, kerana mufti yang tidak adil, tertolak dan tidak wajar menjadi tempat rujukan hukum syarak.
- vi. Merdeka tidak menjadi syarat untuk menjadi mufti dan seseorang yang tidak merdeka boleh memberi fatwa.
- vii. Lelaki tidak menjadi syarat untuk menjadi mufti, perempuan boleh mengeluarkan fatwa, malahan Aisyah RA terkenal di kalangan sahabat antara yang banyak memberi fatwa (al-Ilmi, 1997:234-235).
- viii. Mempunyai hubungan yang kuat dan pengalaman yang luas dengan dua sumber yang muktabar iaitu al-Quran dan juga al-Sunnah. Tidak disyaratkan mesti menghafal al-Quran, walaupun menghafal al-Quran itu lebih baik, bahkan hendaklah mempunyai pengetahuan yang menyeluruh tentang al-Quran terutama sekali ayat-ayat hukum dan dalam mengeluarkan hukum, tidak hanya membataskan kepada ayat-ayat tersebut sahaja, bahkan mengambil kira juga ayat-ayat berkaitan dengan kisah, pengajaran dan lain-lain. Begitu juga menguasai sebab-sebab turun ayat, mengenali ayat *nasikh* dan *mansukh*, dalam keadaan menyedari yang *nasakh* dalam bahasa yang digunakan oleh generasi salaf terdahulu lebih umum dari segi bahasa, berbanding dengan yang digunakan oleh ulama yang datang kemudian. Di sisi ulama terdahulu nasakh merangkumi *am*, *khas*, *mutlak*, *muqayyad*, *mubham*, *mubayyan* dan lain-lain. Berhubung dengan al-sunnah, seseorang perlu mempunyai pengetahuan yang kuas terhadap al-Sunnah dan tidak hanya berpada dengan hadis-hadis hukum sahaja. Mengistinbatkan hukum tidak bergantung kepada hadis-hadis hukum sahaja sebagaimana tidak disyaratkan mesti menghafal hadis-hadis hukum itu, bahkan cukup dengan hanya mengetahui tempat-tempat di mana wujud hadis-hadis hukum, ketika membuat rujukan. Seseorang itu juga perlu mengetahui tentang ilmu *dirayah*, *nasikh* dan *mansukh* yang ada hubungan dengan hadis dan juga mengetahui sebab-sebab muncul sesebuah hadis. (al-Qaradawi, 1408H).

Fatwa Berubah Mengikut Perubahan Zaman

Hukum syarak bertujuan merealisasikan *maslahah* hamba-hamba Allah SWT, menegakkan keadilan antara mereka dan menghilangkan kezaliman dan kemudaratannya. Inilah yang perlu diutamakan oleh seseorang faqih ketika menafsirkan nas dan melaksanakan hukum. Seorang faqih tidak boleh jumud dengan satu pendirian, baik yang melibatkan fatwa, pengajaran, karangan

mahupun penggubalan undang-undang, walaupun zaman, tempat, *uruf* dan situasi telah pun berubah, bahkan sewajarnya meraikan objektif-objektif syarak yang umum, ketika menghukum dalam perkara-perkara ranting.

Ibn Qayyim menegaskan fatwa berubah dan berbeza mengikut perbezaan masa, tempat, situasi, tradisi dan adat masyarakat. Ini tidaklah membawa maksud, hukum-hukum syarak ke semuanya boleh berubah, berikutan perubahan zaman, tempat dan *uruf*. Ada juga hukum-hukum syarak yang tidak boleh berubah, walaupun berlaku perubahan suasana dan juga situasi seperti hukum-hukum hudud (al-Qaradawi, 1990).

Menurut Zaydan (2002), fatwa kadang-kadang berubah dengan sebab berlaku perubahan tempat dan zaman, sekiranya sesuatu hukum syarak itu dibina di atas tradisi hidup sesebuah negara dan tradisi ini pula berubah. Tradisi baru pula tidak bercanggah dengan nas syarak atau sekurang-kurangnya hukum syarak itu dibina di atas suasana tertentu dan suasana ini pula berubah, sebagaimana yang berlaku kepada zakat fitrah.

Terdapat hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (2002) menerusi Abu Sa'id al-Khudri iaitu:

كُنَّا نَعْطِيهَا فِي زَمَانِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ أَوْ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ زَبِيبٍ

Maksudnya:

Kami mengeluarkan zakat fitrah pada zaman Rasulullah SAW sebanyak satu gantang makanan atau satu gantang buah tamar atau satu gantang barli atau satu gantang anggur yang telah dikeringkan”.

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis di atas memerintahkan mengeluarkan zakat dalam bentuk satu gantang buah tamar, anggur kering dan makanan asasi. Para ulama telah mengharuskan mengeluarkan zakat fitrah daripada jagung, padi dan lain-lain, sekiranya makanan-makanan ini menjadi makanan kebiasaan sesebuah negara. Ulama berpendapat bahawa jenis-jenis makanan yang terdapat di dalam hadis di atas, melibatkan makanan-makanan yang menjadi kebiasaan penduduk Madinah di waktu itu dan tidaklah berbentuk khusus kepadanya sahaja (Zaydan, 2002).

Beramal Dengan Fatwa

Apabila fatwa dikeluarkan oleh mufti yang layak untuk berfatwa, pihak yang mengemukakan persoalan boleh mengikut fatwa tersebut dan ia dianggap berpegang kepada pandangan mufti yang berfatwa itu. Walau bagaimanapun, jika mufti tersebut menarik kembali fatwanya sebelum pihak yang bertanya mengikut fatwanya dan pihak tersebut mengetahui tentang penarikan kembali tersebut, maka haram bagi mereka untuk mengikut fatwa yang telah ditarik kembali itu. Sebaliknya, disyorkan untuk bertanya kepada mufti lain dan mengikut fatwa yang diberikan oleh mufti yang baru itu.

Jika seseorang telah mengikut fatwa daripada seorang mufti, tetapi kemudian mufti tersebut menarik kembali fatwanya dan pihak yang meminta fatwa mengetahui tentang penarikan kembali tersebut, maka pihak tersebut perlu mengulangi pertanyaan tentang masalah yang dihadapinya. Mereka juga perlu mengikut fatwa baru yang dikemukakan oleh mufti tersebut (Zaydan, 2002). Contoh situasi adalah seperti seorang lelaki yang telah berkahwin dengan seorang perempuan yang sebelumnya dianggap boleh dikahwini berdasarkan fatwa terdahulu. Namun, mufti yang memberi fatwa tersebut menarik kembali fatwanya. Jika lelaki itu ingin meneruskan perkahwinannya dengan perempuan tersebut, dia harus meminta fatwa sekali lagi tentang perempuan tersebut dari mufti yang sama atau mufti yang lain. Jika mufti tersebut menfatwakan bahawa perkahwinan itu tidak boleh dilanjutkan, maka lelaki tersebut wajib berpisah dengan isterinya.

Ini adalah penting kerana fatwa adalah pandangan hukum Islam berdasarkan pengetahuan dan pemahaman mufti pada masa tertentu. Jika ada perubahan dalam penafsiran hukum atau keadaan, mufti berhak untuk menarik kembali fatwanya dan memberikan fatwa yang baru sesuai dengan keadaan semasa. Oleh itu, pihak yang meminta fatwa perlu mengikut fatwa yang paling baru dan sah pada masa itu.

Pembatalan fatwa terdahulu dilakukan sekiranya jelas batal, kerana bercanggah dengan dalil yang jelas. Sekiranya fatwa terdahulu adalah harus, kemudian ditarik kembali oleh mufti. Dalam masa yang sama pihak yang meminta fatwa telahpun beramal dengan fatwa itu, tidak wajib kepadanya membatalkan amalan yang telah dilakukan, kerana telah beramal dengan sesuatu yang harus dan dibenarkan oleh syarak (Zaydan, 2002).

Kepercayaan Kepada Nur Muhammad

Ahli-ahli sufi mengeluarkan nabi Muhammad SAW daripada sifat kemanusiaan dan menjadikan baginda SAW sebagai cahaya yang mana daripadanya diciptakan segala sesuatu. Menurut al-Juma'ah (2006) tidak ada halangan untuk mengatakan nabi SAW merupakan cahaya pertama yang diciptakan Allah SWT dan daripada cahayanya melimpah kepada manusia di alam ruh. Namun dalil yang dikemukakan beliau adalah *mawdu'* berdasarkan perakuan beliau sendiri.

Sebelum itu al-Hallaj (t.th) mengatakan cahaya-cahaya kenabian nabi-nabi lain datang daripada cahaya nabi Muhammad SAW. Tidak ada di kalangan cahaya-cahaya itu yang lebih zahir dan lebih *qadim* selain daripada cahaya nabi Muhammad SAW. *Himmah* baginda SAW mendahului segala *himmah* yang lain dan kewujudannya mendahului satu situasi yang disebut sebagai "tidak ada sesuatu", malah nama baginda SAW mendahului *al-Qalam*, kerana kewujudannya adalah sebelum daripada kewujudan umat-umat manusia.

al-Sajalmasi (2002) menyatakan nabi Muhammad SAW yang menguasai alam maya. Cahaya-cahaya alam maya ini ke semuanya seperti cahaya Arasy, langit dan bumi, syurga dan hijab-hijab dan yang di atasnya juga yang di bawahnya, jika ke semuanya dikumpulkan ke semuanya diwujudkan daripada sebahagian daripada cahaya Muhammad. Himpunan cahayanya jika diletakkan di atas Arasy sudah tentu Arasy akan cair dan jika diletakkan di atas hijab-hijab yang tujuh, sudah tentu ia akan binasa. Jika dikumpulkan keseluruhan makhluk dan diletakkan cahaya yang agung itu di atasnya, sudah tentu ia akan binasa dan gugur.

al-Juma'ah (2006) menyatakan tidak sewajarnya kita menafikan cahaya nabi Muhammad SAW itu dalam bentuk fizikal kerana tidak ada pertentangan dengan kedudukan baginda SAW sebagai lampu yang menyinari manusia. Baginda memiliki cahaya *hissi* berserta dengan asas akidah yang bertentangan dengan tabiat kemanusiaannya yang dinyatakan oleh al-Quran. Menurut beliau lagi yang diharamkan ialah menafikan kemanusiaan nabi, kerana bercanggah dengan nas al-Quran yang sahih. Tabiat bulan misalnya adalah berbatu batan, namun begitu ia adalah cahaya dan mempunyai cahaya berbentuk *hissi*. Nabi lebih baik daripada bulan, malah lebih baik daripada seluruh makhluk yang lain.

Dalil-Dalil Yang Digunakan Bagi Menyokong Kepercayaan Nur Muhammad

Antara dalil yang digunakan bagi menyokong kepercayaan di atas ialah:

- a. Surah al-Ma'idah 5:15, Firman Allah SWT:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا كُنْتُمْ تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَعْفُو عَنْ كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ

Maksudnya:

“Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad, s.a.w) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab Suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya”.

- b. Surah Al-Ahzab 33:46, Firman Allah SWT:

وَدَاعِيَا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا

Maksudnya:

“Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberi-Nya; dan sebagai lampu yang menerangi”.

- c. Hadis Jabir RA:

أول ما خلق الله نور نبيك يا جابر

Maksudnya:

“Perkara pertama yang Allah ciptakan ialah cahaya nabi anda wahai Jabir”.

Berdasarkan zahir ayat dan hadis di atas menunjukkan bahawa nabi Muhammad SAW di sisi golongan ini merupakan cahaya dan diciptakan daripada cahaya. Malah baginda SAW dianggap oleh golongan ini merupakan makhluk yang pertama diciptakan dan bukan nabi Adam A.S.

Fatwa Ulama Muktabar

Ulama muktabar ialah ulama yang diakui keilmuannya yang ada menyentuh perbahasan berkaitan isu nur Muhammad meskipun jumlah mereka sedikit seperti al-Baidawi, al-Zamakhshari (467H), Al-Razi (543H), al-Qurtubi (600H), Ibn Kathir (701H), al-Suyuti (849H), al-Ajluni (1087H), Al-Alusi (1273H), al-Sa'di (1307H), Muhammad bin al-Siddiq al-Ghumari (1330H), Mutawalli al-Sya'rawi (1419H), Al-Shanqiti (1425H), Nasir al-Din al-Albani (1337H) dan Abdullah al-Harra'i (1906).

Fatwa Berkaitan Nur Muhammad

Fatwa berkaitan dengan Nur Muhammad yang banyak ditemui oleh penulis ialah daripada tokoh-tokoh ulama dunia dan bukan daripada pertubuhan yang berkaitan dengan ulama. Kemungkinan kerana isu tersebut tidak berbangkit kerana rata-rata pertubuhan fatwa dunia menolak konsep nur Muhammad memandangkan kedudukan hadisnya yang *mawdu'* dan terlalu lemah. Ulama sufi seperti Ibn Arabi yang cuba mensahihkannya pula menggunakan pendekatan kasyaf yang bukan merupakan salah satu daripada sumber dalam perundangan Islam yang diiktiraf. Fatwa yang melibatkan jabatan mufti pula ialah yang dikeluarkan oleh jabatan mufti Sarawak. Fatwa jabatan ini menyokong adanya konsep nur Muhammad tersebut.

Fatwa Ulama Berkaitan Ayat 15 Surah Al-Ma'idah

Ulama berselisih pendapat tentang maksud cahaya yang terdapat dalam surah al-Ma'idah 5:15, adakah al-Quran, Islam atau Rasulullah SAW?. al-Baidawi (1418H) menyatakan maksud cahaya dalam ayat di atas ialah al-Quran, kerana ia menghapuskan kegelapan keraguan, kesesatan dan kitab yang jelas sekali kemukjizatnya. Ada yang mengatakan maksud cahaya ialah nabi Muhammad SAW.

Al-Razi (1981) pula menyatakan maksud cahaya dalam ayat di atas ialah Muhammad SAW, manakala agama yang dibawa oleh baginda diibaratkan cahaya. Begitu juga dengan keterangan yang disampaikan baginda kepada umat manusia juga diibaratkan sebagai cahaya. Ibn Kathir (1999) pula yang dimaksudkan dengan cahaya dalam ayat di atas ialah al-Quran yang diturunkan Allah SWT kepada nabi Muhammad SAW. Ia berfungsi sebagai jalan-jalan kejayaan, keselamatan dan manhaj istiqamah bagi orang yang mencari keredaan Allah dengannya dengan cara menyelamatkan mereka daripada selekoh-selekoh maut, menjelaskan jalan yang paling

terang, menjadi benteng daripada perkara yang haram, menjauhkan dari kesesatan dan menunjukkan kepada situasi yang paling mantap.

Al-Sya'rawi (1991) menyatakan maksud cahaya dalam ayat di atas ialah al-Quran dan ia menggabungkan dua perkara iaitu mukjizat dan cahaya yang menyinari jalan kebenaran. Beliau menyatakan beriman kepada Allah SWT adalah persoalan pelaksanaan yang melibatkan peringkat demi peringkat dan ia adalah kemuncak iman. Rasulullah SAW menyampaikan risalah daripada Allah kerana baginda SAW membawa cahaya kepada umat Islam. Namun begitu terdapat di kalangan ahli syatah (ahli sufi) yang menyatakan maksud cahaya ialah nabi SAW sendiri. Kita suka menyatakan: Tidak ada halangan kalau nabi SAW itu adalah cahaya meskipun nas di atas melibatkan syatah sufi. Ini agar kita tidak terjebak ke dalam perbincangan yang tidak berkesudahan dengan orang yang mengatakan nabi SAW itu bukan cahaya, kerana baginda diciptakan daripada bahan dan akan ada orang yang menolaknya dengan mengemukakan hadis Jabir: Apakah makhluk yang pertama sekali diciptakan wahai Rasulullah SAW. sabda baginda: Cahaya nabi anda wahai jabir.

Berdasarkan keterangan di atas dapat disimpulkan cahaya yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah cahaya maknawi dan tidak membuktikan bahawasanya nabi Muhammad SAW itu benar-benar diciptakan daripada cahaya. Dalam ayat-ayat di atas antara yang turut disebutkan sebagai cahaya ialah al-Quran dan juga Islam dan ia tidak membuktikan yang al-Quran dan Islam itu adalah cahaya dari segi fizikalnya kerana al-Quran yang dibaca dan ajaran Islam yang terdapat di dalamnya adalah daripada mushaf. Al-Sya'rawi (1991) juga menyatakan nabi Muhammad SAW itu adalah cahaya secara maknawi. Beliau mengemukakan pandangan sesetengah ahli sufi yang menyatakan nabi Muhammad SAW diciptakan daripada cahaya dengan berdasarkan kepada hadis Jabir, namun beliau tidak pula menjelaskan status hadis tersebut dari segi kekuatannya. Apa yang beliau kemukakan itu lebih berbentuk mengelakkan pertembungan dalam memahami makna cahaya yang dilakukan oleh sesetengah ahli sufi dengan orang-orang Islam yang lain. Ini diperkuatkan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Taghabun 64:8:

فَأْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالنُّورِ الَّذِي أَنْزَلْنَا وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya:

“Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan kepada rasulNya serta kepada penerangan cahaya Al-Quran - yang Kami turunkan. Dan (ingatlah), Allah Amat Mendalam PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan”.

Al-Shanqiti (1426H) pula menjelaskan cahaya di dalam ayat di atas ialah al-Quran. Ia dinamakan sebagai cahaya kerana dapat menghapuskan kegelapan kejahilan, menonjolkan kebenaran, membezakan perkara yang batil dan membezakan di antara petunjuk dengan kesesatan, kebaikan dan keburukan. Wajib kepada setiap orang Islam menyinarkan diri mereka dengan cahaya al-Quran, berpegang teguh dengan akidah yang dibawanya, menghalalkan apa yang dihalalkannya dan mengharamkan apa yang diharamkannya, mematuhi segala titah perintahnya dan menjauhi segala larangannya dan juga mengambil iktibar dan pengajaran daripada kisah-kisah dan perumpamaan-perumpamaan yang diutarakannya. Ini tidak bermakna al-Quran diciptakan daripada cahaya, sebaliknya disebut secara simbolik dan maknawi sahaja. Al-Quran sebagaimana yang dimaklumi adalah merupakan kalamullah yang qadim.

Perlu memahami ungkapan cahaya dalam ayat di atas sebagai cahaya iman dan hidayah al-Quran. Ia merupakan umum yang tidak boleh dikhususkan kecuali dengan dalil tertentu. Andai kata ungkapan cahaya itu ditujukan kepada nabi Muhammad SAW, ia tidak lebih daripada ungkapan yang dikemukakan dalam bentuk simbolik, kerana baginda menyeru manusia ke jalan yang lurus berdasarkan keterangan akhir yang terdapat dalam ayat yang sama di atas.

Kehadiran nabi di kalangan umat manusia tidak bermaksud untuk menyinari tempat yang gelap dan berjalan pada waktu malam dengan cahaya yang dipancarkan oleh baginda kepada orang-orang yang berada di sekitarnya sebagai ganti kepada lampu suluh. Sekiranya jasad Rasulullah SAW itu bersinar dengan sendiri, sudah tentu akan dijelaskan kepada kita hal ini oleh para ulama hadis dan pasti akan menjadi sebahagian daripada tanda-tanda kenabian baginda, malah akan diperkatakan oleh golongan kafir yang hidup pada zaman baginda, apalagi perhatian para sahabat Rasulullah SAW terhadap kehidupan baginda begitu terperinci berdasarkan kepada hadis-hadis yang diriwayatkan oleh mereka tidak seperti manusia lain (Abu Syadi, 2008).

Tafsiran Ulama Berkaitan Ayat 46 Surah Al-Ahzab

Menurut Ibn Kathir (1999) ungkapan ‘lampu yang menerangi” dalam ayat 46 Surah al-Ahzab membawa maksud urusan kebenaran yang dibawa oleh nabi zahir kepada manusia, tidak ubah bagaikan matahari yang bersinar dan bercahaya dan tidak ada seorang pun yang boleh menolaknya.

Al-Qurtubi (2006) menjelaskan maksud ungkapan “lampu yang menyinari” sebagai kata-kata pinjaman untuk makna syariat yang dibawa oleh nabi SAW. Ia dinamakan sebagai lampu kerana menjadi panduan kepada seseorang dalam menghadapi kegelapan kejahilan. Dikaitkan dengan lampu yang menyinari, kerana ada di antara lampu yang tidak menyinar kerana kekurangan minyak dan kehabisan sumbu.

Al-Zamakhshari (1407H) pula menjelaskan maksud “lampu yang menyinari” ialah Allah SWT menyinarkan kegelapan syirik dengan nabi Muhammad SAW dan baginda dijadikan sebagai panduan oleh orang-orang yang sesat, sebagaimana malam yang gelap gelita disinari dengan lampu yang bercahaya dan dijadikan pedoman oleh orang lain atau Allah SWT membantu manusia dengan cahaya kenabian nabi Muhammad, cahaya mata-mata kasar mereka, sebagaimana cahaya lampu membantu sinaran cahaya mata manusia.

Al-Sa’di (2002) pula menyatakan ungkapan “lampu yang menyinari” membawa maksud ketika Rasulullah SAW muncul, manusia berada dalam kegelapan dan tidak ada cahaya yang membolehkan mereka berjalan dalam kegelapan tersebut dan juga tidak ada ilmu yang membolehkan mereka jadikannya sebagai pedoman hidup dalam suasana kejahilan mereka sehingga Allah mengutuskan nabi Muhammad SAW, lalu Allah SWT menyinari hidup mereka yang penuh dengan kegelapan itu dengan cahaya kebenaran yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW dan menjadi pedoman dalam menempuh kehidupan yang penuh dengan kejahilan dan Allah SWT menunjuki jalan kepada orang-orang yang sesat melalui cahaya kebenaran yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW itu ke arah jalan yang lurus. Dengan itu jadilah mereka orang-orang yang istiqamah yang sudah jelas jalan yang perlu mereka tempuhi. Mereka berjalan di belakang imam ini dan mengenali mana kebaikan dan mana keburukan, mana orang yang bahagia dan mana orang yang celaka. Mereka berpedomankan cahaya kebenaran yang dibawa oleh nabi Muhammad itu untuk mengenal tuhan yang berhak disembah, mengenali sifat-sifat-Nya yang terpuji dan perbuatan-perbuatan-Nya yang baik dan juga hukum hakamnya yang bijaksana.

Berdasarkan keterangan di atas maksud “lampu yang bercahaya dan bersinar” dalam ayat di atas dikemukakan dalam bentuk simbolik. Rasulullah SAW tidak ubah bagaimana lampu dari segi membawa petunjuk kepada manusia dan bukannya diri baginda itu sendiri bersinar dan bercahaya.

Fatwa Ulama Berkaitan Hadis Jabir

Hadis di atas tidak wajar dijadikan dalil bagi membuktikan nabi Muhammad SAW diciptakan daripada cahaya, kerana semata-mata ia telah dikemukakan oleh al-Ajluni (1087H) seorang tokoh ulama hadis yang terkenal dalam Kasyf al-Khafa’ dan beliau mengatakan; Hadis ini diriwayatkan oleh Abd al-Razzaq dengan sanadnya daripada Jabir bin Abdillah dengan lafaz:

يا رسول الله بأي أنت وأمي أخبرني عن أول شيء خلقه قبل الأشياء قال يا جابر إن الله خلق قبل الأشياء نور نبيك من نوره فجعل ذلك النور يدور بالقدرة حيث شاء الله ولم يكن في ذلك الوقت لوح ولا قلم ولا جنة ولا نار ولا ملم ولا أرض ولا شمس ولا قمر ولا جني ولا إنسي فلما أراد الله أن يخلق الخلق قسم ذلك النور أربعة أجزاء فخلق من الجزء الأول القلم ومن الثاني اللوح ومن الثالث العرش ثم قسم الجزء الرابع أربعة أجزاء فخلق من الجزء الأول حملة العرش ومن الثاني الكرسي ومن الثالث باقي الملائكة ثم قسم الجزء الرابع أربعة أجزاء فخلق من الأول السموات ومن الثاني الأرضين ومن الثالث الجنة والنار ثم قسم القسم الرابع أربعة أجزاء فخلق من الأول نور أبصار المؤمنين ومن الثاني نور قلوبهم وهي المعرفة بالله ومن الثالث نور إنسهم وهو التوحيد لا اله إلا الله محمد رسول الله

— الحديث كذا في المواهب

Maksudnya:

“Aku bertanya: Wahai Rasulullah, Demi bapaku, engkau dan ibuku, beritahulah kepadaku tentang perkara pertama yang diciptakan Allah sebelum sesuatu yang lain. Sabda baginda: Wahai Jabir sesungguhnya Allah SWT menciptakan cahaya nabi engkau daripada cahaya-Nya sebelum menciptakan segala sesuatu. Kemudian cahaya itu berlegar dengan qudrat Allah mengikut yang dikehendaki-Nya dan pada masa itu masih belum ada *luh*, *qalam*, syurga, neraka, malaikat, langit, bumi, matahari, bulan, jin dan juga manusia. Ketika Allah ingin menciptakan makhluk. Dia telah

membahagikan cahaya itu kepada empat bahagian. Dia telah menciptakan daripada bahagian yang pertama, qalam, daripada cahaya yang kedua, luh, daripada cahaya yang ketiga, arasy. Kemudian dia membahagikan lagi cahaya yang keempat kepada empat bahagian yang lain pula lalu Dia mencipta daripada cahaya bahagian yang pertama itu malaikat penanggung arasy, daripada bahagian yang kedua, kursi, daripada yang ketiga baki para malaikat yang lain. Kemudian Dia membahagikan lagi cahaya yang keempat kepada empat bahagian lagi lalu menciptakan dari cahaya bahagian yang pertama langit, daripada bahagian yang kedua bumi, dan daripada bahagian yang ketiga, syurga dan neraka. Kemudian Dia membahagikan lagi cahaya yang keempat itu kepada empat bahagian, lalu menciptakan dari cahaya bahagian yang pertama, cahaya mata-mata orang-orang yang beriman, daripada cahaya yang kedua cahaya hati-hati mereka iaitu ma'rifatullah, daripada cahaya yang ketiga cahaya kemanusiaan mereka iaitu tauhid tidak tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu adalah pesuruh Allah. Begitulah yang disebutkan dalam *al-Mawahib*.

Menurut Abu Syadi (2008) al-Ajluni sendiri tidak merujuk hadis tersebut kepada *Musannaf Abd al-Razzaq* sebaliknya beliau nukilkan daripada *al-Mawahib* sahaja. Namun apabila dirujuk kepada *Musannaf* tidak ditemui hadis di atas, malah hadis di atas ditolak oleh hadis Muslim daripada A'isyah RA:

خَلِقْتُ الْمَلَائِكَةَ مِنْ نُورٍ وَخَلِقُ الْجَانَّ مِنْ مَّارِجٍ مِنْ نَارٍ وَخَلِقُ آدَمَ مِمَّا وُصِفَ لَكُمْ

Maksudnya:

“Para malaikat diciptakan Allah daripada cahaya, manakala bapa jin diciptakan daripada lidah api dan diciptakan Adam daripada apa yang disifatkan kepada anda”.

(Muslim:5324)

Hadis di atas terang-terangan menyatakan satu-satunya makhluk yang diciptakan daripada cahaya ialah para malaikat dan bukannya manusia. Jin juga tidak diciptakan daripada cahaya sebaliknya daripada lidah api. Ketika mengulas hadis di atas al-Albani (1992) menyatakan hadis di atas mengisytarkan bahawa hadis yang masyhur berlegar di kalangan orang ramai yang menjelaskan perkara yang pertama diciptakan ialah cahaya nabi Muhammad SAW dan hadis-hadis lain yang seumpama dengannya adalah batal. Hadis di atas dengan jelas menyatakan para

malaikat sahaja yang diciptakan Allah SWT daripada cahaya dan bukan nabi Adam dan keturunan baginda AS.

Al-Ghumari (2004) mengarang sebuah buku berjudul *Mursyid al-Ha'ir Li Bayan Wad'i Hadis Jabir*. Karya beliau itu dikemukakan bagi membersihkan Rasulullah SAW daripada hadis yang tidak sahih yang disandarkan kepada baginda SAW dan dikira termasuk ke dalam bab keterlaluan dan melampau dan mendapat tempat pula di kalangan orang-orang awam dan sesetengah orang yang berilmu dengan menganggap hadis tersebut sebagai termasuk ke dalam sebahagian daripada kelebihan nabi Muhammad SAW yang mana sesiapa yang menolaknya dikira sebagai cuba merendahkan kedudukan nabi Muhammad SAW. Malangnya mereka sendiri tidak memahami kata-kata dan pandangan mereka itu mengundang dosa yang besar, kerana berkait dengan sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya:

“Sesiapa yang sengaja melakukan pendustaan ke atasku, sediakanlah tempat duduknya dalam neraka”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Orang-orang yang menyifatkan Rasulullah SAW dengan suatu sifat yang tidak sabit kepada baginda, sebenarnya telah melakukan pendustaan ke atas baginda dan terjebak ke dalam perkara haram kecuali jika sempat bertaubat. Kelebihan-kelebihan Rasulullah SAW berlaku dengan nas yang sabit dan diketahui umum. Terdapat hadis-hadis yang menjelaskan perkara pertama yang diciptakan ialah cahaya nabi Muhammad SAW tetapi hadis itu hadis batil dan pendapat-pendapat tentangnya adalah pendapat yang janggal.

Menyandarkannya sebagai riwayat Abd al-Razzaq adalah satu kesalahan, kerana tidak ditemui dalam *al-Musannaf*, jami' mahupun tafsir beliau, bahkan yang ditemui dalam tafsirnya adalah sebaliknya. Beliau menyebut perkara pertama yang diciptakan ialah air, manakala arasy tuhan berada di atas air.

Al-Suyuti (2000) menyebut hadis tentang cahaya Muhammad tidak mempunyai isnad yang boleh dipegang. Al-Suyuti (2004) juga menyebut dalam *Qawt al-Mughtazi Syarah al-Tirmizi* hadis cahaya Muhammad tidak sabit sama sekali. Ia jelas sebuah hadis *mawdu'* dan di dalamnya mengandungi istilah-istilah ahli sufi. Sesetengah kalangan pada zaman ini cuba menyusun sanadnya dan menyebut Abd al-Razaq meriwayatkannya daripada jalan Ibn al-Munkadir daripada Jabir. Ini juga sebenarnya satu pendustaan.

Sebahagian dari kalangan ahli sufi mendakwa hadis cahaya Muhammad adalah sebuah hadis yang sahih dilihat dari segi kasyaf. Ucapan sebegini tidak ada makna langsung, kerana kasyaf yang bercanggah dengan hadis nabi SAW tidak boleh dijadikan sebarang pengajaran dan perkiraan.

al-Ghumari (2004) seterusnya menyatakan hadis cahaya Muhammad bercanggah sama sekali dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Kahfi 18:110:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهٌ وَجِدْتُ قَوْمًا لِّقَاءِ رَبِّهِمْ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".

Ia juga bercanggah dengan hadis riwayat Imran bin Husain RA, segolongan penduduk Yaman menemui Rasulullah SAW lalu bertanya:

جِئْنَاكَ نَسْأَلُكَ عَنْ هَذَا الْأَمْرِ قَالَ كَانَ اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ غَيْرُهُ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ وَكُتِبَ فِي الذِّكْرِ كُلِّ شَيْءٍ وَخَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ

Maksudnya:

“Wahai Rasulullah kami datang menemui tuan untuk mendalami ilmu pengetahuan agama dan untuk bertanya tuan awal urusan ini. Sabda baginda; Allah ada dan tidak ada

sesuatupun selain daripada-Nya. Arasy-Nya di atas air dan Dia telah menulis pada luf segala sesuatu kemudian menciptakan langit-langit dan bumi”.

(Riwayat al-Bukhari)

Kesimpulannya hadis tentang perkara pertama diciptakan ialah cahaya Muhammad adalah hadis mungkar lagi *mawdu'* dan tidak ada asas sama sekali dalam mana-mana kitab hadis yang enam.

Menurut Abu Syadi (2008) antara pembohongan yang begitu dahsyat ialah cerita yang mengatakan salah seorang daripada Ummu al-Mukminin ingin melipat kain ke atas jasad Rasulullah SAW, tiba-tiba kain itu jatuh kerana jasad baginda daripada cahaya. Cerita ini tidak ada asas sama sekali, kerana Rasulullah SAW menggunakan kain sarung sebelum itu namun kain tersebut tidak jatuh pun daripada badan baginda. Kedudukan baginda SAW sebagai cahaya adalah sesuatu yang berbentuk maknawi seperti juga kedudukan al-Quran yang dikira sebagai cahaya dari segi maknawi dan bukan bermakna al-Quran itu diciptakan daripada cahaya, kerana baginda menyinari akal-akal dan juga hati-hati manusia.

Sesetengah ahli sufi menyebut malaikat Jibril menerima wahyu di sebalik hijab. Apabila disingkap hijab itu satu kali didapati nabi Muhammad SAW ada di situ dan disampaikan wahyu kepada baginda. Malaikat Jibril menyatakan; Daripada tuan dan kepada tuan?. Al-Ghumari (t.th) melaknat orang yang mencipta hadis ini, kerana terang-terangan bercanggah dengan al-Quran, Allah SWT berfirman di dalam surah al-Syura 42:52:

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَكِنْ جَعَلْنَاهُ نُورًا نُّهْدِي بِهِ مَن نَّشَاءُ مِّنْ عِبَادِنَا وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

Maksudnya:

“Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) - Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu): apakah Kitab (Al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan Al-Quran: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus”.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Syuara' 26:193-194:

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ۙ ۱۹۳ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنْذِرِينَ ۙ ۱۹۴

Maksudnya:

“Ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang amanah. Ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia)”.

Hadis perkara pertama diciptakan ialah cahaya Muhammad juga dihukumkan oleh Rasyid Reda (2005) sebagai tidak mempunyai asas sama sekali. Bahkan al-Juma‘ah (2006), berpendapat perkara pertama yang diciptakan ialah cahaya Muhammad, juga berpendapat hadis yang menjadi sandaran orang ramai itu sebagai *mawdu’*. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat hadis tersebut sahih dari segi maknanya sahaja. Namun kesahihan makna tersebut tidak dapat diterima kerana bercanggah dengan al-Quran dan hadis-hadis yang sahih yang telah kita jelaskan sebelum ini. Beliau cuba menyatakan cahaya Muhammad itu bersifat azali lagi.

Bagi al-Harari (2001) yang dikaitkan dengan fahaman *Ahbasy* dan dikatakan banyak mengkafirkan para ulama zaman dahulu dan juga masa kini yang tidak sealaran dengan beliau, beliau menolak kepercayaan kepada nur Muhammad dan pendapat yang menyatakan nabi Muhammad SAW diciptakan daripada cahaya dan nur Muhammad merupakan perkara pertama diciptakan. Beliau berpendapat hadis di atas adalah sebuah hadis *mawdu’* dan tidak mempunyai asas sama sekali. Ia juga bertentangan dengan al-Quran dan hadis sahih. Ia bertentangan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Anbiya’ 21:30:

أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

“Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?”.

Pertentangannya dengan hadis sahih ialah hadis riwayat Imran bin Husain RA, yang menjelaskan segolongan manusia daripada Yaman menemui Rasulullah SAW lalu berkata:

جَنَّاتِكَ نَسْأَلُكَ عَنْ هَذَا الْأَمْرِ قَالَ: كَانَ اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ غَيْرُهُ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ وَكَتَبَ فِي الذِّكْرِ كُلِّ شَيْءٍ
وَحَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ

Maksudnya:

“Kami datang untuk bertanya tuan tentang perkara ini. Baginda SAW bersabda: Allah ada, tidak ada sesuatu selain daripada-Nya. Arasy-Nya berada di atas air. Dia menulis pada al-Zikr (luh Mahfuz) segala perkara. Kemudian Dia menciptakan langit dan bumi”.

(Riwayat al-Bukhari)

Nas di atas menyatakan secara jelas iaitu makhluk pertama ciptaan Allah SWT ialah air dan arasy kerana pendudukan Yaman yang menemui baginda SAW itu bertanya baginda tentang permulaan alam maya ini. Ungkapan Rasulullah SAW “Allah ada, tidak ada sesuatu selain daripada-Nya” mengisbatkan azali bagi Allah iaitu kewujudan-Nya tidak ada permulaan. Ungkapan Rasulullah SAW “Arasy-Nya berada di atas air” membuktikan kedua-dua makhluk tersebut merupakan makhluk yang pertama diciptakan. Cuma permulaan kewujudan air bersifat mutlak manakala kewujudan arasy adalah selepas daripada kewujudan air. Ungkapan “di atas air” menunjukkan kelewatan kewujudan arasy itu sendiri berbanding dengan air.

Al-Harari (2001) mengemukakan pendapat Ibn Hajar al-Asqalani bagi menyokong pendapat beliau. Ibn Hajar (2001) menyatakan makhluk pertama yang dijadikan oleh Allah SWT ialah air. Beliau berlandaskan kepada hujah mengenai kedudukan `Arash di atas air, maka semestinya air yang terlebih dahulu dijadikan. Air dan `Arash adalah permulaan kepada kejadian alam ini dan kejadian kedua-dua makhluk ini mendahului kejadian langit dan bumi. Tidak wujud sesuatu yang lain di bawah `Arash melainkan hanya air sahaja.

Menurut al-Harari (2001) penyandaran hadis nur Muhammad di atas kepada al-Baihaqi adalah tidak sahih. Manakala penyandarannya kepada *Musannaf* Abd al-Razzaq juga tidak benar kerana ia tidak wujud dalam *Musannaf* tersebut. Bahkan yang wujud dalam tafsir Abd al-Razaq adalah sebaliknya. Abd al-Razzaq sendiri menjelaskan makhluk pertama yang wujud adalah air. Al-Suyuti (2000) menyebut hadis Jabir tidak mempunyai *isnad* yang boleh dipegang dan palsu. Al-Ghumari (2004) mengaitkan kewujudan hadis tersebut dengan *Musannaf Abd al-Razzaq* adalah satu kesalahan, kerana ia memang tidak terdapat dalam *musannaf* tersebut. Begitu juga

dalam *jami'* mahupun tafsirnya. Beliau juga menghukumkan hadis Jabir sebagai *mawdu'*, canggung dan mengandungi lafaz yang mungkar.

Kecanggungan lafaznya dapat dilihat apabila terdapat lafaz “Allah SWT menciptakan daripada cahayanya segala sesuatu”. Ia cukup menimbulkan kemusykilan. Hal tersebut kerana jika ganti nama yang terdapat pada kalimah “*nurihi*” dengan makna cahaya yang diciptakan oleh Allah SWT, ia jelas bertentangan dengan apa yang didakwa oleh pihak pendakwa. Ia menunjukkan cahaya tersebut yang pertama diciptakan dan bukan cahaya Muhammad, bahkan cahaya Muhammad diciptakan pada tahap kedua. Jika dikaitkan dengan sandaran *juz'i* kepada *kulli*, ia jelas lebih buruk dan keji kerana ia mengisbatkan cahaya tersebut sebahagian daripada Allah SWT. Ini sekali gus menunjukkan zat Allah SWT itu terdiri daripada beberapa komponen. Menyatakan Allah SWT itu tersusun daripada beberapa komponen pada zatnya adalah seburuk-buruk kekufuran kerana ia mengisbatkan sifat baharu bagi Allah SWT.

Kedua-dua hadis sahih di atas tidak wajar ditakwilkan semata-mata untuk membenarkan hadis yang tidak sabit bahkan *mawdu'* kerana kecanggungannya. Tidak ada keperluan untuk melihat kepada sikap sesetengah orang yang cuba mengaitkan hadis Jabir di atas sebagai awal secara mutlak semata-mata hendak mengisbatkan keawalan Nur Muhammad.

Berhubung dengan hadis yang menjelaskan makhluk yang paling awal diciptakan ialah *al-Qalam*, al-Harari (2001) berpegang dengan pendapat Ibn Hajar al-Asqalani yang mengambil langkah menyelaraskan antara hadis air dan arasy dengan hadis *al-Qalam*. Menurut beliau hadis tentang penciptaan *al-Qalam* menunjukkan ia diciptakan selepas daripada air dan juga arasy dilihat dari segi tulisan yang dikeluarkan oleh *al-Qalam* itu. Bagi hadis tentang perkara pertama diciptakan ialah akal, ia merupakan hadis yang diriwayatkan menerusi jalan tidak sabit. Jika diandaikan sabitnya sekali pun, ia perlu ditakwilkan dengan takwilan yang lain. Berhubung dengan kenyataan Ibn Hajar al-Haithami dalam dalam *Syarah al-Arbain al-Nawawiyah*, yang awal nur Muhammad adalah awal secara mutlak manakala awal *Qalam* hanya *awal nisbi* sahaja, takwilan tersebut menurut al-Harari (2001) adalah bertentangan dengan hadis sahih dan kaedah yang diterima pakai dalam ilmu hadis iaitu apabila hadis daif bertentangan dengan hadis yang sabit lagi sahih, tidak perlu lagi dilakukan takwilan bahkan hendaklah diamalkan yang sahih dan ditinggalkan yang daif tersebut.

Jika ada yang mengatakan bukankah Rasulullah SAW bersabda:

كُنْتُ أَوَّلَ النَّبِيِّينَ فِي الْخَلْقِ وَآخِرُهُمْ فِي الْبَعْثِ

Maksudnya:

“Aku adalah nabi yang paling awal diciptakan dan paling akhir diutuskan”.

Dalam hadis lain menyebut:

كُنْتُ نَبِيًّا وَآدَمُ بَيْنَ الْمَاءِ وَالتَّرَابِ

Maksudnya:

“Aku menjadi nabi dalam keadaan Adam masih berada di antara air dengan tanah”.

Dalam hadis lain menjelaskan:

كنت نبيا ولا ماء ولا طين

Maksudnya:

“Aku telah menjadi nabi dalam keadaan tidak ada air dan tidak ada tanah”.

Bagi menjawabnya suka dinyatakan hadis yang pertama adalah daif sebagaimana yang dinyatakan oleh para ulama. Dalam kalangan perawinya terdapat Baqiyyah bin al-Walid beliau seorang *mudallis* (penipu), manakala Said bin Basyir daif. Diandaikan hadis di atas sahih ia tidak menunjukkan Rasulullah SAW merupakan makhluk pertama ciptaan Allah SWT, sebaliknya ia menjelaskan baginda adalah nabi pertama sahaja. Sebagaimana yang dimaklumi bapa manusia ialah nabi Adam AS tetapi baginda merupakan makhluk yang terakhir sekali diciptakan dilihat dalam keluarga makhluk yang diciptakan Allah SWT. Hadis kedua dianggap *mawdu'* oleh al-San'ani dan ibn Taimiyyah, manakala Ibn Hajar al-Asqalani menyatakan hadis ini tidak diketahui dari mana ia diambil. Manakala hadis ketiga tidak ada asas sama sekali.

Oleh yang demikian, tidak perlu ditakwilkan hadis sahih apabila berdepan dengan hadis lemah dan *mawdu'* yang tidak ada asas sama sekali sebagaimana yang dilakukan oleh sesetengah ahli tasawuf yang telah mentakwilkan ayat di atas dengan hadis Jabir sebelum ini. Mereka menyatakan ayat di atas mempunyai makna secara simbolik.

Berhubung dengan hadis Maisarah al-Fajr beliau menyatakan:

كُنْتُ نَبِيًّا وَآدَمُ بَيْنَ الرُّوحِ وَالْجَسَدِ

Maksudnya:

“Wahai Rasulullah, bilakah tuan menjadi nabi. Sabda baginda: Aku telah menjadi nabi, dalam keadaan Adam antara roh dan jasad”.

Hadis ini merupakan hadis sahih dan diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnad beliau. Ibn Hajar al-Hathami menyatakan *rijal* (perawi) adalah *rijal* yang sahih. Hadis di atas walau bagaimanapun tidak membuktikan Rasulullah SAW merupakan makhluk yang pertama diciptakan apabila dinisbahkan kepada makhluk lain. Sebaliknya ia lebih menunjukkan Rasulullah SAW terkenal dengan sifat risalahnya dalam kalangan para malaikat pada masa jasad Adam AS masih belum dimasukkan roh.

Imam Ahmad, al-Hakim dan al-Baihaqi dan *al-Dala'il* daripada Irbad bin Sariyah, katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنِّي عِنْدَ اللَّهِ فِي أُمِّ الْكِتَابِ خَاتَمُ النَّبِيِّينَ وَإِنَّ آدَمَ لَمُنْجَدِلٌ فِي طِينَتِهِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya aku tertulis di sisi Allah dalam Ummu al-Kitab sebagai penutup para nabi. Adam ketika itu masih berada dalam bentuk tanahnya”.

Hadis di atas menurut al-Harari (2001) menjelaskan nabi Muhammad SAW telah tertulis sebagai penutup para nabi dalam qada dan takdir Allah, sebelum nabi Adam AS menjadi bapa manusia dan nabi yang pertama lagi. Selain itu kelebihan sesuatu perkara tidak semestinya menunjukkan ia lebih dahulu wujud daripada yang lain, bahkan kelebihan berlaku kerana ia dilebihkan oleh Allah SWT. Allah SWT melebihi siapa sahaja dalam kalangan makhluk-Nya ke atas apa sahaja yang diinginkan-Nya. Allah SWT menjadikan nabi Muhammad SAW sebagai makhluk-Nya yang paling afdal dan paling berkat.

Selain itu al-Harari (2001) menolak tanggapan sesetengah ulama daripada India yang menerima hadis nur Muhammad iaitu hadis Jabir kerana menggunakan konsep hadis daif apabila diterima oleh umat Islam ia menjadi hadis sahih *li ghairihi*. Sebenarnya tanggapan tersebut tidak tepat dan tidak dapat diterima kerana maksud diterima oleh umat ialah apabila ia diterima oleh ulama mujtahidin termasuk imam-imam mazhab empat dan bukan diterima oleh orang awam biasa. Sekadar ia diterima oleh al-Zurqani, Ibn Hajar al-Haithami, al-Qastalani, Yusuf al-Nabhani, al-Ajluni dan lain-lain, tidak termasuk ke dalam erti kata ia diterima oleh umat Islam. Sebaliknya hadis daif yang biasanya dibahaskan oleh ulama sebagai diterima oleh umat Islam dan mengangkat statusnya kepada sahih *li ghairihi* ialah hadis yang menjelaskan tentang air laut, di mana airnya suci manakala bangkainya halal di makan.

Selain itu Atiyyah Saqr (2022) menjelaskan Rasulullah SAW adalah manusia biasa. Perkara ini sama sekali tidak menjauhkan kedudukan baginda SAW baik di sisi Allah mahupun di sisi manusia. Baginda SAW bersabda dalam hadis riwayat Abu Sa'id:

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ وَلَا فَخْرَ

Maksudnya:

“Aku adalah penghulu anak Adam dan ini bukan bertujuan untuk berbangga-bangga”.

(Riwayat Ibn Majah)

Allah SWT menjelaskan tentang baginda dalam firman-Nya di dalam surah al-Israk 17:93:

أَوْ يَكُونُ لَكَ بَيْتٌ مِّنْ زُخْرَفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي السَّمَاءِ وَلَنْ نُؤْمِنَ لِرُقَيْكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَّقْرُؤُهُ ۚ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّيَ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا

Maksudnya:

“Atau (sehingga) engkau mempunyai sebuah rumah terhias dari emas; atau (sehingga) engkau naik ke langit; dan kami tidak sekali-kali akan percaya tentang kenaikanmu ke langit sebelum engkau turunkan kepada kami sebuah kitab yang dapat kami membacanya”. Katakanlah

(wahai Muhammad):" Maha Suci Tuhanku! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul?"

Rasulullah SAW. tidak diciptakan daripada Nur. Baginda SAW daripada zuriat Adam dan Adam diciptakan daripada tanah. Allah SWT memberitahu kedudukan baginda sebagai cahaya dan cahaya baginda wujud sebelum baginda dilahirkan lagi. Itu semua tidak menafikan kedudukan baginda SAW sebagai manusia.

Al-Qaradawi (2022) menyatakan telah diketahui hadis-hadis yang menjelaskan makhluk pertama adalah itu atau ini dan seterusnya, tidak satu pun yang sahih, sebagaimana ditetapkan oleh para ulama Sunnah. Oleh kerana itu, sebahagian hadis itu bertentangan dengan sebahagian yang lainnya. Sebuah hadis mengatakan, "Pertama kali diciptakan oleh Allah adalah Qalam". Hadis lainnya mengatakan: "Yang pertama kali diciptakan Allah adalah akal."

Telah tersiar dalam kalangan orang awam dari kisah-kisah maulid yang sering dibaca bahawa Allah SWT menggenggam cahaya-Nya, lalu berfirman, "Jadilah engkau Muhammad." maka jadilah beliau makhluk yang pertama kali diciptakan Allah. Daripada situ diciptakan langit, bumi dan seterusnya. Dari itu tersiar kalimat: "Selawat dan salam bagimu wahai makhluk Allah yang pertama," hingga kalimat itu dikaitkan dengan azan yang disyariatkan, seakan-akan sebahagian daripadanya.

Perkataan itu tidak sah riwayatnya dan tidak dibenarkan oleh akal. Ia tidak akan mengangkat agama dan tidak bermanfaat bagi perkembangan peradaban dunia Islam. Keawalan nabi Muhammad SAW. sebagai makhluk Allah tidak terbukti dan seandainya terbukti tidaklah mempengaruhi keutamaan dan kedudukannya di sisi Allah SWT. Ketika Allah SWT memujinya dalam kitab-nya, Allah memujinya dengan alasan keutamaan yang sebenarnya. Allah SWT berfirman di dalam surah Al-Qalam 68:4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya:

“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia”.

Nabi Muhammad SAW adalah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib al-Hasyimi al-Quraishy yang dilahirkan daripada kedua orang tuanya, Abdullah bin Abdul Muththalib dan Aminah binti Wahab, di Mekah, pada tahun Gajah. Baginda dilahirkan sebagaimana halnya kelahiran manusia biasa dan dibesarkan sebagaimana manusia biasa dibesarkan. Baginda diutus sebagaimana diutusnya para nabi dan rasul sebelumnya dan bukan rasul yang pertama di antara para rasul.

Baginda hidup dalam waktu terbatas, kemudian Allah SWT memanggilnya kembali kepada-Nya, firman Allah SWT di dalam surah Al-Zumar 39:30:

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَّيِّتُونَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati, dan sesungguhnya mereka juga akan mati”.

Baginda akan disoal pada hari Kiamat, sebagaimana para rasul disoal. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Maidah 5:109:

﴿يَوْمَ يَجْمَعُ اللَّهُ الرُّسُلَ فَيَقُولُ مَاذَا أُجِبْتُمْ قَالُوا لَا عِلْمَ لَنَا إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّمُ الْغُيُوبِ﴾

Maksudnya:

“(Ingatlah) hari (kiamat yang padanya) Allah menghimpunkan Rasul-rasulNya lalu bertanya: "Apakah penerimaan yang diberikan kepada kamu (oleh umat-umat kamu dahulu, ketika kamu menyampaikan seruan ugama Allah)?" Rasul-rasul itu menjawab: "Tidak ada bagi kami pengetahuan yang sah tentang itu, (pengetahuan yang tepat adalah tertentu bagiMu), kerana sesungguhnya Engkaulah sahaja yang Maha Mengetahui akan segala perkara yang ghaib”.

Ayat-ayat di atas telah menegaskan hakikat Nabi Muhammad SAW adalah seorang manusia. Allah SWT memerintahkan Nabi SAW menyampaikan hakikat itu kepada orang ramai dalam berbagai surah, antara lain firman Allah SWT di dalam surah Al-Kahfi 18:110:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرَكَ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; Oleh itu, sesiapa

yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaupun dalam ibadatnya kepada Tuhannya”.

Ayat di atas menunjukkan aginda SAW adalah manusia seperti manusia-manusia lain, tidak memiliki keistimewaan, kecuali dengan wahyu dan risalah.

Nabi SAW menegaskan makna kemanusiaan dan penghambaan terhadap Allah dan memperingatkan agar tidak mengikuti kebiasaan-kebiasaan orang-orang sebelum kita yaitu penganut agama-agama terdahulu dalam hal memuja dan menyanjung. Baginda SAW bersabda dalam hadis riwayat Umar bin al-Khattab RA:

لَا تُظَرُونِي كَمَا أَطَرَّتِ النَّصَارَى ابْنَ مَرْيَمَ فَإِنَّمَا أَنَا عَبْدُهُ فَقُولُوا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ

Maksudnya:

“Janganlah kamu sekalian menyanjungku sebagaimana kaum Nasrani menyanjung Isa putera Maryam. Sesungguhnya aku adalah hamba Allah dan Rasul-Nya.”

(Riwayat al-Bukhari).

Nabi yang agung ini adalah manusia seperti manusia lain dan tidak diciptakan daripada cahaya mahupun emas, tetapi diciptakan daripada air yang memancar dan keluar dari tulang sulbi laki-laki dan tulang rusuk wanita sebagai bahan penciptaan Muhammad SAW. Allah SWT menciptakan nabi Muhammad SAW seperti juga manusia yang lain iaitu daripada air mani bapanya Abdullah dan ibunya siti Aminah. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Sajdah 32:8:

ثُمَّ جَعَلْنَا نَسْلَهُ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ مَّاءٍ مَّهِينٍ ۝٨

Maksudnya:

“Kemudian Ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang;”

Nabi Muhammad SAW berasal daripada Adam dan segala keturunan datang daripada air mani.

Memang tidak dinafikan Allah SWT menjadikan baginda sebagai cahaya kepada manusia tetapi dalam konteks baginda membawa al-Kitab dan al-Sunah yang menjadi panduan hidup mereka. Dengan al-Kitab dan al-Sunnah yang dibawa oleh baginda, Allah SWT telah menyinari jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan membimbing umat ke arah kebaikan.

Baginda SAW adalah cahaya dan membawa cahaya kepada manusia dalam konteks di atas dan bukan diciptakan daripada cahaya. Al-Quran menyatakan hal itu dan berbicara kepada Nabi SAW, firman Allah di dalam surah Al-Nisa' 4:174:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَانٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُبِينًا

Maksudnya:

“Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu: Bukti dari Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (Al-Quran sebagai) Nur (cahaya) yang menerangi (segala apa jua yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak)”.

Baginda SAW adalah nabi pembawa cahaya dan Rasul pembawa hidayah. Abd Aziz bin Baz (2022) dan Uthaimin (2022) menjelaskan pendapat yang menyatakan nabi Muhammad SAW diciptakan daripada cahaya dan cahaya baginda merupakan cahaya pertama yang diciptakan adalah pendapat yang batil dan tidak mempunyai asas sama sekali. Ia juga satu bentuk pendustaan dan bertentangan dengan firman Allah SWT di dalam surah Al-Mukminun 23:12-13:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلْةٍ مِنْ طِينٍ ۚ ۱۲ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ ۚ ۱۳

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh;”

Nabi Muhammad SAW adalah daripada keturunan nabi Adam AS, Baginda SAW adalah penghulu anak Adam. Baginda diciptakan daripada benih bapanya dan bapanya diciptakan daripada benih datuknya. Beginilah seterusnya sehingga manusia sampai kepada nabi Adam AS yang diciptakan Allah daripada tanah.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa kaitan cahaya atau nur dengan Rasulullah SAW atau Nur Muhammad melibatkan dua bentuk, iaitu nur dalam erti kata maknawi dan nur yang melibatkan aspek fizikal. Nur dalam bentuk maknawi telah disepakati oleh ulama berdasarkan nas-nas dari al-Quran dan hadis Nabi SAW. Sebaliknya, nur dalam bentuk fizikal, yang menurut penulis berasal dari hadis Jabir, menimbulkan perbezaan dalam kalangan ulama, di mana ada yang menerima dan ada yang menolaknya.

Penulis cenderung ke arah golongan kedua yang menolak Rasulullah SAW diciptakan dari cahaya, sebagaimana yang terdapat dalam hadis Jabir, kerana hadis tersebut merupakan hadis *mawdu'*. Golongan yang menyatakan bahwa hadis tersebut sahih dari segi makna atau berdasarkan kasyaf tidak dapat diterima, karena bukan merupakan hujah yang dapat diterima dalam kaedah sabitan hadis dalam ilmu mustalah hadis. Dalil dan hujah golongan kedua adalah lebih kuat, tidak bercanggah dengan hadis-hadis dan al-Quran.

Para sahabat nabi SAW memberitahu ketika nabi SAW memasuki kota Madinah, Baginda telah menyinari dan menerangi segala sesuatu. Apabila Baginda wafat, gelap segala sesuatu. Ketika para sahabat menguburkan jenazah Rasulullah SAW, mereka merasa begitu dukacita sehingga merasakan dunia gelap pada pandangan mata kasar mereka. Rasa gelap di sini bukan kerana Rasulullah SAW menyinari mereka dengan cahaya diri baginda pada masa hayatnya kerana berada dalam keadaan gelap sebagaimana malam yang gelap, sebaliknya kegelapan di sini tidak lebih daripada simbolik kepada rasa sedih yang menimpa mereka kerana kehilangan nabi yang tersayang, kerana baginda adalah manusia yang paling afdal sekali.

Rasulullah SAW menyinari kota Madinah dengan cahaya iman dan hidayah dan bukannya dengan cahaya fizikal baginda, kerana jika baginda menyinari kota Madinah dengan cahaya fizikal baginda, sudah tentu dinukilkan oleh para sahabat dan menjadi sebahagian daripada bukti kenabian baginda yang tidak dapat ditolak oleh orang yang bersetuju mahupun orang yang tidak bersetuju dan yang beriman mahupun yang tidak beriman, malah akan dinukilkan dari satu generasi ke satu generasi sehingga sampai ke zaman kita ini.

RUJUKAN

Al-Quran

Abdul Monir Yaacob. (1998) *Perkembangan Institusi Mufti Di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM

Abu Jayb, Sa'di .(1988). *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan Wa Istilahan*. Dimasyq: Dar al-Fikr.

Abu Syadi, Ibrahim.(2008). *Al-Rad al-'Alami Ala al-Syubuhah Fi al-Aqidah wa al-Tasawwuf*. Iskandariyyah; Dar al-Itqan.

Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1992). *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*. Al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif.

Al-Alusi, Syihab al-Din Mahmud .(1270H). *Ruh al-Ma'ani Fi Tafsir al-Qur'an al-Azim Wa al-Sab'i al-Mathani*. Dar ihya' al-Turath al-Arabi.

Ahmad Hidayat Buang. (2016). *Memperkukuh Kredibiliti Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Cabaran Semasa Di Malaysia. Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016: Fiqh Kontemporari Dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia. Institute of Advanced Islamic Studies*. Kuala Lumpur.

Al-Baidawi, Abu Said Abdullah bin Umar. (1418H). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

al-Bukhariyy, Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail ibn Ibrahim ibn al Mughirah ibn Baddizbah al-Jufiyy. 2000. *Sahih al-Bukhariyy*. Damsyik: Muassasah al-Risalah Nasyirun.

Al-Ghumari, `Abdullah b. Muhammad (2004), *al-Rasail al-Ghumariyyah Mursyid al-Ha'ir li Baya Wad'i Hadith Jabir*. Beirut: Dar al-Masyari' li al-Tiba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzi'

Al-Harari, Abdullah. (2001). *Risalah Fi Butlan Awwaliyyah al-Nur al-Muhammadi*. Beirut: Dar al-Masyari' Li al-Tiba'ah.

Al-Fakhr Razi, Muhammad bin Umar. (1981). *Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar a-Fikr.

Ibn Hajar al-`Asqlani, Ahmad b. `Ali (2001), *Fath al-Bari Syarh al-Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Darr al-Rayyan li al-Turath.

Ibn Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir .(1999). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Jil.1 dan 2. Tahqiq: Sami bin Muhammad al-Salamah. Dar Tayyibah.

Ibn Manzur. (1956). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Beirut.

Ibn Rushd. Muhammad bin Ahmad bin Rushd. (1987). *Fatāwa Ibn Rushd*. Jil. 3. Beirūt. Dār al-Ghurūb al-Islāmī.

Imi, Muhammad Taj. (1997). *Al-Ijtihad*. Beirut: Dar Al-Zahra’.

Al-Hallaj, Abu al-Husain bin Mansur. (t.th). *Al-Tawasin*. T.pt.

<https://fiqh.islamonline.net/>, Dilayari pada 10 Oktober 2022.

Abd Aziz bin Baz. (2022). <https://binbaz.org.sa/fatwas>,. Dilayari pada 11 Oktober 2022.

Uthmain. (2022). <https://binothaimeen.net>. Dilayari pada 11 Oktober 2022.

Al-Juma’ah, Ali Muhammad. 2006. *Al-Bayanul qawim li tashih ba’dhil mafahim*. Al-Qahirah: Dar al-Sundus

Muhammad Rawwas & Hasin Sadiq Qasibi.(1405H/1985M). *Mu’jam Lughah al-Fuqaha’*. Amman: Dar al-Nafa’is.

Al-Qaradawi, Yusuf.(1408H). *Al-Fatwa Bayna Al-Indibat Wa Al-Tasayyub*. Misr: Dar Sahwah.

Al-Qaradawi, Yusuf.(1990). *Madkhal Li Dirasat al-Shari’ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

- Al-Qaradawi, Yusuf.(1999). *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*. Selabor: Thinker's library.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar. (2006). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Jil. 6. Beirut: Mu'sasasah al-Risalah.
- Rayyan, Ahmad Ali Taha .(1994). *Dawabit al-Ijtihad Wa al-Fatwa*. Kaherah: Jabhah Ulama al-Azhar.
- Reda, Muhammad Rasyid. (2005). *Fatawa al-Syeikh Muhammad Rasyid Reda*. Beirut: Dar al-Kitab al-Jadid.
- Al-Sa'di, Abd al-Rahman bin Nasir.(2002). *Taysir al-Karim al-Manan Fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Sajalmasi, (2002). *Al-Ibriz Min Kalam Sayyid Abd al-Aziz al-Dabbagh*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman bin Abu Bakar bin Muhammad.(2000). *Al-Hawi Li al-Fatawa*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syanqiti, al-Syaikh al-'Allamah Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Jakni. (1426H). *Adwa' al-Bayan fi Idah al-Qur'an bi al-Qur'an*, ed. Bakr bin 'Abdillah Abu Zayd. Mekkah al-Mukarramah: Dar 'Alam al-Fawa'id.
- Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawawli. (1991). *Tafsir al-Sya'rawi*. Mesir: Akhbar al-Yaum.
- Al-Tirmizi. Abu Isa bin Saurah. (2004). *Qawt al-Mughtazi Syarah 'Ala jami' al-Tirmizi*. Al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Su'udiyah: Jami'ah Ummu al-Qura.
- Zaini Nasohah. (2005). *Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa Di Malaysia*. Jurnal Islamiyyāt 27(1).

Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud bin Amr.(1407H). *Tafsir al-Kasysyaf*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.

Zaydan, ‘Abd al-Karim .(1987). *Usul al-Da’wah*. Beirut: Mua’ssasih al-Risalah.

Zaydan, Abd al-Karim (2002), *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, Kaherah: Mu’assasah al-Risalah Li al-Tiba’ah Wa al-Nasyri Wa al-Tawzi’.